

SOALAN NO: 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAFUR BIN HAJI SALLEH

TARIKH: 12 NOVEMBER 2014

SOALAN:

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghafur bin Haji Salleh
[Kalabakan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

- (a) hingga kini berapa ramaikah pekerja asing baik yang berdaftar dan tidak berdaftar yang sedang berada di negara ini; dan
- (b) apakah langkah Kementerian untuk mengelakkan kebergantungan Negara kepada pekerja asing.

PR-1323-L65196

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, sehingga 31 Julai 2014, berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, jumlah pekerja asing sah yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara secara aktif adalah 2 juta pekerja termasuk jumlah pekerja asing yang telah diputihkan di bawah Program 6P iaitu 503,161. Pihak Kementerian Sumber Manusia tidak

mempunyai maklumat berhubung bilangan pekerja asing yang tidak berdaftar di negara ini.

2. Dalam usaha mengurangkan kebergantungan pekerja asing di negara ini, Kerajaan telah mengambil inisiatif-inisiatif seperti berikut:

- (i) penggajian pekerja asing diluluskan kepada 6 sektor sahaja iaitu sektor pembinaan, pertanian, perladangan, perkilangan dan perkhidmatan (sub sektor tukang masak restoran, pekerja pembersihan dan pencucian, pekerja resort pulau peranginan, hotel, kedi dan urut kaki) yang melibatkan pekerjaan asas dan pekhidmat domestik;
- (ii) syarat-syarat penggajian pekerja asing adalah amat ketat di mana kriteria penggajian pekerja asing diselia oleh agensi kawal selia yang menentukan keperluan sebenar pekerja dalam sesebuah sub sektor yang berkaitan:
 - a) kekosongan jawatan ditawarkan kepada pekerja tempatan terlebih dahulu melalui portal JobsMalaysia sebelum permohonan pekerja asing dibenarkan;
 - b) pekerja asing tidak dibenarkan bekerja di barisan hadapan (*frontliner*); dan
 - c) dasar penggajian pekerja asing sentiasa ditambah baik dari segi penentuan mekanisme pengambilan pekerja asing yang mesti mengutamakan *exit strategy* seperti pelan latihan kemahiran kepada pekerja tempatan untuk

menggantikan pekerja asing, menetapkan ratio pekerja tempatan dan pekerja asing bagi menjamin peluang pekerjaan kepada pencari kerja tempatan serta mekanisme kenaikan levi secara berperingkat dan ditanggung majikan.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini,

3. Kerajaan juga menggalakkan sektor-sektor yang menggunakan insentif buruh beralih kepada penggunaan mekanisasi dan automasi bagi mengurangkan kebergantungan ke atas pekerja asing. Pelbagai program diwujudkan untuk mencapai tujuan tersebut seperti berikut:
 - i. melahirkan lebih ramai pekerja mahir (50%) di Malaysia menjelang tahun 2020;
 - ii. mewujudkan *National Occupational Skills Standard* sebagai standard bagi melatih pekerja bagi sesuatu bidang dan tahap pekerjaan sehingga Diploma Kemahiran Tahap 5 selaras dengan keperluan industri;
 - iii. memperkenalkan Sistem Latihan Dual Nasional untuk menyediakan tenaga kerja mahir negara melalui kaedah latihan industri yang komprehensif dan terkini bagi memastikan kemahiran tenaga kerja dipertingkatkan;

- iv. mengoptimumkan kapasiti latihan melalui penubuhan kira-kira 400 institusi latihan antaranya seperti Institut Latihan Perindustrian, Institut Kemahiran Belia Negara, Kolej Komuniti, MARA yang menyediakan latihan kemahiran untuk lepasan SPM/SPMV merangkumi bidang mekanikal, elektrikal dan elektronik, seni bina, perabot, binaan paip dan bukan logam di peringkat Sijil, Diploma dan Diploma Lanjutan; dan
- v. pembiayaan latihan di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad melalui caruman levi majikan untuk melatih semula pekerja bagi meningkatkan kemahiran pekerja terutamanya di sektor perkilangan dan perkhidmatan.